



جابتن حال إحوال اِكْلام إسلام قولوا قِينْخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH

**MENGHIDUPKAN
JANTUNG MASYARAKAT**



Tarikh Bacaan:
23 JANUARI 2026M / 4 SYAABAN 1447H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Menghidupkan Jantung Masyarakat

23 Januari 2026M/ 4 Syaaban 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: لَا تَقُمْ فِيهِ أَبَدًا لَمَسْجِدٍ أُسِّسَ عَلَى التَّقْوَى مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ
تَقُومَ فِيهِ فِيهِ رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَنْ يَتَطَهَّرُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ ﴿١٧٨﴾ سورة التوبة

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ
تُقْلِحُونَ.

SIDANG JUMAAT SEKALIAN,

Khatib menyeru sidang jemaah sekalian, mulai hari ini teruslah berusaha sehabis baik untuk mendapat martabat takwa kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Mudah-mudahan kehidupan kita di dunia mendapat rahmat dan di akhirat nanti kita akan beroleh setimpal-timpal balasan yakni syurga Allah yang luas terbentang.

Suka khatib ingatkan agar jemaah sekalian menumpukan perhatian kepada mimbar. Jangan bermain telefon bimbit, bersembang dan tidur dengan sengaja. Khatib pada hari ini ingin membuka wacana kepada anda dengan tajuk: **“Menghidupkan Jantung Masyarakat”**.

SIDANG JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,



Masjid adalah lambang kepada syiar Islam. Masjid juga menjadi nadi kepada aktiviti kemasyarakatan. Malah masjid menjadi tempat yang paling ampuh kepada setiap individu mukmin untuk mengislah diri untuk menjadi insan yang soleh. Jika kita mahu melihat kualiti satu-satu masyarakat Islam, maka lihatlah bagaimana mereka mengimarahkan masjid-Nya.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Menghidupkan masjid atau surau merupakan satu bukti kecintaan kita kepada agama ini. Masjid hanya rumah Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** yang bersifat kaku, yang menghidupkannya adalah kita. Sikap mengambil berat terhadap rumah Allah ini sebenarnya bermula daripada kita sendiri.

Oleh sebab itu saudaraku sekalian, hadir solat berjemaah, duduk dalam majlis-majlis ilmu di dalamnya dan melibatkan diri dalam program-program pengimarahannya adalah satu indikator kepada sifat takwa. Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** berfirman dalam surah at-Taubah ayat 108 maksudnya:

*“Sesungguhnya masjid didirikan atas dasar takwa (Masjid Quba). Sejak hari pertama lagi patut kamu mendirikan (solat) di dalamnya. Di dalam (masjid itu) terdapat orang-orang yang ingin membersihkan diri dan sesungguhnya Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** amat menyukai orang-orang yang bersih.”*

SIDANG JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Sejarah telah membuktikan masjid adalah asas kepada masyarakat Madani. Sejak zaman Rasulullah **صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ**, kemudian diikuti zaman

Khulafa Ar-Rasyidin dan khalifah-khalifah Kerajaan Islam yang lain, masjid telah menjadi satu institusi paling utama dalam pembangunan Masyarakat Islam.

Masjid diletakkan pada satu martabat yang cukup penting dalam institusi sosial. bukan hanya kerana tempat beribadah, malahan masjid menjadi pusat ilmu dan pendidikan, menjadi pusat pentadbiran serta pemerintahan, urusan keadilan, menjadi hub kebajikan serta kesejahteraan masyarakat dan adakalanya menjadi tempat untuk bermesyuarat hal ehwal strategi peperangan.

Ketika Rasulullah ﷺ sampai ke Quba' dalam peristiwa hijrah, baginda dan para sahabatnya terus membina sebuah masjid di Quba' dengan tangan-tangan mereka sendiri sebelum sampai ke Madinah Al-Munawwarah. Masjid yang disebutkan kisahnya dalam ayat Al-Quran yang khatib bacakan tadi, menjadi lambang kepada syiar agama ini, baik daripada sudut keagamaan, persaudaraan, ibadah dan kenegaraan.

Bayangkan saudara sekalian, saban hari kita bertemu dengan orang-orang baik di masjid. Dapat duduk dalam suasana ibadah. Memberi komitmen dalam majlis ilmu di dalamnya dan menghabiskan masa untuk aktiviti yang membangunkan kualiti diri dan ummah.

Insyallah, paling kurang kehidupan kita akan terselamat daripada perkara-perkara yang mensia-siakan umur dan terjerumus dalam maksiat yang berterusan. Malah, setiap kali pulang dari masjid dan surau, keberkatan akan mengiringi diri dan keluarga kita. Masya Allah.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Golongan professional yang berpangkat tinggi dan bergaji besar, sehinggalah kita yang “biasa-biasa” sahaja. Semua dalam kalangan kita mesti ada rasa bertanggungjawab untuk mengisi saf-saf yang saban hari semakin hilang ahlinya kerana sudah meninggal atau berpindah kariah.

SAUDARAKU SEKALIAN,

Rasulullah ﷺ ada bersabda:

وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ ، لَقَدْ هَمَمْتُ أَنْ أَمُرَ بِحَطَبٍ فَيُحْتَطَبَ ، ثُمَّ أَمُرَ بِالصَّلَاةِ
فَيُؤَدَّنَ لَهَا ، ثُمَّ أَمُرَ رَجُلًا فَيُؤَمِّمَ النَّاسَ ، ثُمَّ أَخَالِفَ إِلَى رِجَالٍ فَأَحْرَقَ عَلَيْهِمْ
بُيُوتَهُمْ

Maksudnya: *“Demi jiwaku dalam genggamannya, sungguh aku berkeinginan untuk memerintahkan orang ramai mengumpulkan kayu api, kemudian aku memerintahkan salah seorang menjadi imam lalu aku pergi ke rumah orang yang tidak keluar solat berjemaah, kemudian aku bakar rumah-rumah mereka”.*

﴿ Hadis Riwayat Al-Bukhari ﴾

Hadis ini menunjukkan kepada kita betapa nabi memaksa kita untuk keluar menunaikan solat secara berjemaah. Pandangan nabi bukan hanya bermotifkan solat semata-mata. Namun, misi baginda melihat kepada visi kesatuan umat, mengangkat kualiti diri dalam masyarakat Islam.

SIDANG JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Setelah apa yang khatib wacanakan tadi, khatib mahu simpulkan khutbah ini kepada beberapa solusi:

Pertama: Masjid dan surau adalah tempat yang paling berkesan terutama kita yang lelaki ini untuk menjalani proses pembinaan jati diri mukmin.

Kedua: Kita mesti memahami bahawa mengimarahkan rumah Allah adalah tanggungjawab peribadi. Tanggungjawab ini tidak terkecuali sama ada kita berjawatan atau tidak, kaya atau miskin, dimuliakan orang atau tidak.

Ketiga: Kita mesti bertanggungjawab menghidupkan rumah Allah ini dengan menghadiri solat jemaah, iktikaf, hadir ke majlis ilmu dan beribadah dengan ibadah-ibadah lain.

Allah berfirman dalam surah at-Taubah ayat 18:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ

يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَن يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: *“Hanya yang layak memakmurkan masjid-masjid Allah itu ialah orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan solat dan menunaikan zakat. Mereka tidak takut selain Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. Semoga mereka akan menjadi orang yang beroleh petunjuk.”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2025M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang memutuskan bahawa berpuasa pada bulan Rejab dan Syaaban merupakan sunnah Nabi SAW dan tiada halangan bagi individu yang mampu untuk berpuasa penuh pada bulan-bulan tersebut.

Bersempena dengan Sambutan Hari Kastam Sedunia Ke-44, mimbar juga mengambil kesempatan ini memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dan mendoakan perlindungan dan keselamatan kaum muslimin di seluruh negara, khasnya buat seluruh warga Kastam, yang berkhidmat dengan penuh dedikasi untuk memacu kesejahteraan dan kemakmuran negara kita Malaysia. Semoga segala jasa dan sumbangan yang dicurahkan dalam memelihara kestabilan

ekonomi dan keharmonian negara akan diganjar dan dinilai sebagai amal bakti di sisi Allah SWT.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وَلَايَتَنَا فِيمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ
الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا حُصُوصًا وَوَلَاةً فُؤَلَاوًا فَيُنِغَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا
سَخَاءً رَحَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولاه فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG